

**PENGAJARAN SEMBANG PAGI DI KELAS PRASEKOLAH
PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Kamala A/P Ratnam

saktheekamala@gmail.com

Aliza Bt Alias

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

eiza@ukm.my

ABSTRAK

Kemahiran sosial sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Penguasaan kemahiran sosial adalah kemahiran yang asas dan perlu dikembangkan. Perhatian yang serius perlu diberikan terhadap pengajaran kemahiran sosial. Pengajaran kemahiran sosial diterapkan melalui pengajaran sembang pagi. Sembang pagi merupakan rutin harian yang dijalankan di Kelas Prasekolah. Kemahiran sosial ini sangat penting kepada murid-murid prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk melihat aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran sembang pagi dalam membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang melibatkan sebuah Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP). Data kajian dikumpulkan melalui pemerhatian dan temubual.

Kata kunci: *Kemahiran Sosial, Sembang Pagi*

1. Pengenalan

Pendidikan awal bertujuan untuk mendidik kanak-kanak dengan pelbagai kemahiran bagi melengkapkan diri seseorang kanak-kanak. Salah satu kemahiran yang menjadi tumpuan dalam bidang pendidikan pada masa kini ialah penguasaan kemahiran sosial. Komponen kemahiran sosial diberi penekanan dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2010). Kurikulum Prasekolah kebangsaan yang mula dikuatkuasa pada 1 Januari 2003 merupakan kurikulum standard yang disediakan di peringkat prasekolah yang merangkumi komponen komunikasi, kreativiti, jasmani, sosioemosi, estetika dan nilai-nilai murni. Kurikulum ini bertujuan untuk memberikan pendidikan yang berkualiti yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan juga nilai (Suppiah, 2015). Mengikut *The National Association of Young Children* (NAEYC, 2011) yang merupakan pertubuhan kebangsaan bagi kanak-kanak menyatakan pendidikan awal kanak-kanak bertujuan untuk memberi layanan, asuhan serta bimbingan kepada kanak-kanak. Kemahiran sosial dapat diajar kepada murid Pendidikan Khas

Bermasalah Pembelajaran melalui kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Kemahiran sosial adalah penting dalam kehidupan sehari-hari. Pengajaran kemahiran sosial juga diterapkan melalui subjek pengurusan diri di dalam kurikulum Prasekolah Kebangsaan Masalah Pembelajaran.

1.1 Pernyataan Masalah

Secara umumnya kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai pelbagai masalah dari segi penguasaan kemahiran asas. Kegagalan menguasai kemahiran sosial menyebabkan banyak masalah. Ini disokong oleh kajian Elias (2004) yang menyatakan masalah sosial dan emosi membataskan perhubungan kanak-kanak istimewa. Kegagalan penguasaan kemahiran sosial dan emosi turut menimbulkan masalah-masalah yang lain seperti yang dinyatakan melalui dapatan kajian Kok (2014). Kajiannya mendapati murid-murid yang tiada pendidikan kemahiran sosial bermasalah dari segi pengurusan emosi, sikap bekerjasama dan menghormati rakan sebaya dan orang dewasa. Kanak-kanak yang menghadapi masalah dari segi kemahiran sosial dan emosi biasanya akan diketepikan oleh rakan sebaya yang normal (Richard, 2004). Ini adalah disebabkan oleh kanak-kanak istimewa ini menghadapi masalah untuk berkawan dengan orang lain. Maka ini menjelaskan peluang berinteraksi murid masalah pembelajaran seperti murid autisme. Oleh kerana masalah bahasa menghadkan penglibatan kanak-kanak autisme daripada mengambil bahagian dalam aktiviti harian di dalam kelas, pengajaran yang sistematik adalah diperlukan (Barton, Reichow, Wolery, & Chen, 2011).

Masalah penguasaan kemahiran sosial dapat diatasi dengan adanya pengajaran guru yang berkesan. Namun begitu pengajaran guru tanpa adanya adaptasi dari segi bahan pengajaran merumitkan lagi proses pengajaran. Bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak disebabkan penguasaan kemahiran sosial, maka pengajaran guru dengan disokong bahan pengajaran adalah diperlukan. Mengikut (Cefai, Ferrario, Cavioni, & Carter, 2013), tanpa modifikasi serta sokongan, kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme serta kanak-kanak *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)* berkemungkinan tidak mendapat faedah dari aktiviti sembang pagi. Oleh yang demikian aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran sembang pagi perlu sesuai dan menarik perhatian murid. Namun begitu, hasil kajian (Zaghlan & Ostrosky, 2011) mendapati guru-guru hanya menjalankan beberapa aktiviti seperti menyanyi dan kemahiran akademik. Aktiviti lain yang memupuk perkembangan kemahiran sosial seperti aktiviti kalender dan perbincangan dalam kumpulan tidak dilakukan. Mengikut (Collaborative for Academic, 2014) pedagogi pengajaran adalah penting dalam mengajar kemahiran sosial. Pedagogi yang berkesan dapat menarik perhatian murid dengan membantu melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran sembang pagi.

1.2 Tujuan kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk

- a) Mengenal pasti apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa sembang pagi?
- b) Mengenal pasti adakah aktiviti-aktiviti sembang pagi dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut perspektif guru,
- c) Mengenal pasti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran sembang pagi?

1.3 Persoalan kajian

Antara persoalan kajian yang ingin dijawab ialah;

- a) Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa sembang pagi?
- b) Adakah aktiviti-aktiviti sembang pagi dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut perspektif guru?
- c) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran sembang pagi?

2. Tinjauan Literatur

Pelbagai komponen diajar kepada murid-murid melalui kurikulum prasekolah. Kemahiran sosial dan emosi merupakan salah satu komponen dalam Kurikulum Prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Berdasarkan (*Dokumen Standard Kurikulum Program Pendidikan Khas Prasekolah*, 2009) perkembangan sosioemosi menjadi asas kepada pembelajaran dan perkembangan seseorang. Di samping memahami dan menguruskan emosi sendiri, ia juga membantu meningkatkan kemahiran bersosial, kebolehan mengurus emosi, meningkatkan keyakinan diri dan juga sikap berdikari. Perkembangan sosial dan emosi di peringat awal kanak-kanak menjadi asas kepada kejayaan seseorang kanak-kanak (Beneke & Ostrosky, 2008). Pelbagai kaedah pengajaran digunakan dalam pengajaran kemahiran sosial. Salah satu kaedah pengajaran ialah sembang pagi. Sembang pagi merupakan satu aktiviti yang dijalankan di kelas prasekolah melalui rutin harian.

Kemahiran sosial dapat diajar melalui pendidikan awal kanak-kanak. Pelbagai pendekatan digunakan dalam meningkatkan kemahiran sosial. Salah satu caranya ialah melalui pengajaran ‘*Circle Time*’ ataupun dikenali sebagai ‘sembang pagi’ yang merupakan aktiviti yang penting dalam kelas prasekolah. Berdasarkan kepada Sukatan Pendidikan Prasekolah Kebangsaan masa aktiviti rutin ini diperuntukkan sebanyak 30 minit di dalam jadual waktu harian. Murid-murid berkumpul serta mengambil bahagian dalam rutin harian yang memberikan peluang belajar kemahiran bersosialisasi, berkomunikasi dan akademik (Bruce, Gulick, Jones, Pike, & Fasy, 2006).

Sembang pagi merupakan kaedah pengajaran yang berkesan dalam membantu mengukuhkan kemahiran sosial, emosi serta mengembangkan nilai moral (*The Development and Intercultural Education Project* (DICE), 2013). Sembang pagi yang melibatkan pelbagai aktiviti mampu meningkatkan perkembangan seseorang kanak-kanak. Perkembangan jasmani, mental, rohani, sosial dan juga kognitif turut dipengaruhi oleh kematangan emosi kanak-kanak (Shahabuddin & Noor Miza, 2014). Falsafah Pendidikan Negara juga menekankan aspek perkembangan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dalam perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, pendidikan prasekolah dapat menyediakan aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ia bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dalam aspek JERI (Sandra, 2013). Selaras dengan matlamat itu pengajaran sembang pagi yang berkesan serta sistematik mampu mencapai hasrat berkenaan melalui pelbagai aktiviti yang menarik. Oleh itu guru memainkan peranan penting dalam mendidik kanak-kanak. Proses pengajaran dan pembelajaran aktiviti sembang pagi yang sistematik dapat membantu memupuk kemahiran sosial dan juga emosi kanak-kanak prasekolah berkeperluan khas.

Sembang pagi dilihat sebagai simbol kesamarataan, inklusif dan berkongsi idea (Abed, 2014). Dengan adanya format yang khusus pengajaran sembang pagi membantu murid-murid mempelajari serta mempraktikkan kemahiran sosial seperti empati, berhubung dengan kawan, menghormati orang dan sebagainya. Persekitaran sosial yang berjaya dalam pengajaran sembang pagi memberikan kesan yang positif terhadap tingkah laku, akademik serta hasil di dalam dan di luar bilik darjah (Kok, 2014). Melalui sembang pagi pelbagai konsep dapat diajar dalam satu sesi pengajaran. Contohnya konsep nombor, abjad, bentuk dan cuaca (Danko, 2012). Setiap sesi sembang pagi melibatkan pelbagai aktiviti yang berbeza bagi memastikan kanak-kanak menumpukan perhatian dalam memfokuskan sesuatu pengajaran (Mosley, 2008). Oleh itu, bagi menarik perhatian kanak-kanak, aktiviti sembang pagi perlu dirancang dengan teliti dan teratur.

Mengikut Collins (2011) sesi pengajaran sembang pagi adalah fleksibel dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan perlu bersesuaian dengan umur peserta. Sembang pagi merupakan satu aktiviti berkumpulan yang dijalankan mengikut masa dan hari yang ditetapkan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah mencatat kehadiran, menyanyi, mendengar cerita, belajar mengenal kalendar dan cuaca. Melalui aktiviti yang dijalankan ini murid dapat meningkatkan kemahiran sosioemosi, kemahiran mendengar dan mengambil giliran, belajar mengambil tindakan serta meningkatkan harga diri masing-masing (Hasnah, Salmiah & Fadliana, 2013). Pengajaran melalui aktiviti berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai tahap perkembangan murid, guru dapat mempraktikkan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan usia serta tahap seseorang murid (Shahabuddin & Noor Miza, 2014).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan sebuah Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Dapatkan kajian ini dikumpulkan melalui pemerhatian dan juga temubual bersama guru. Walaupun mengambil masa dan kos, pemerhatian merupakan kaedah yang sangat berguna dalam penyelidikan untuk mengkaji tingkah lalu atau sesuatu fenomena (Cefai et al. 2013). Mengikut Chua (2012), antara kelebihan temubual berstruktur ialah respon yang tinggi daripada peserta kajian, soalan dapat dijelaskan sekiranya responden keliru serta maklumat dapat diperoleh dengan cepat dan mendalam. Maka kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan bagi tujuan pengumpulan data.

4. Dapatkan kajian, analisis dan perbincangan

4.1 Latar belakang Responden

Responden terdiri daripada seorang guru perempuan yang berpengalaman mengajar kelas Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran selama 9 tahun. Responden juga berkelulusan Ijazah sarjana muda dari sebuah IPTA dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

4.2 Aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran sembang pagi

Jadual 1: Aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran sembang pagi

Aktiviti

-
- Memberi ucapan selamat pagi
 - Mengambil kehadiran
 - Menyanyi lagu rutin
 - Mengenal hari/bulan
 - Mengenal cuaca
 - Mengenal nama guru/PPM dan rakan
 - Berinteraksi berdasarkan carta perbualan mengikut tema
-

Hasil dapatan kajian mendapati, aktiviti yang dijalankan oleh guru semasa pengajaran sembang pagi membantu murid dari segi kemahiran sosial. Seperti yang terdapat di dalam jadual di atas, kesemua aktiviti yang dinyatakan dijalankan semasa pengajaran sembang pagi. Aktiviti yang dijalankan melibatkan semua murid dengan disokong dengan bahan bantu mengajar. Rutin harian pengajaran sembang pagi dimulakan dengan aktiviti memberi ucapan selamat pagi kepada guru, PPM dan rakan serta diikuti dengan aktiviti mengambil kehadiran, menyanyikan lagu rutin serta mengenal hari dan bulan.

Seterusnya murid juga belajar menamakan cuaca pada hari berkenaan, menyatakan nama guru, PPM dan rakan serta aktiviti perbualan mengikut tema yang ditetapkan oleh guru.

4.3 Aktiviti sembang pagi dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut perspektif guru

Berdasarkan kepada pandangan guru aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran sembang pagi dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan membolehkan murid-murid bersosialisasi. Murid-murid juga menunjukkan minat untuk bermain kerana aktiviti yang dijalankan menyeronokkan mereka.

Mengikut responden,

Murid ni kadang-kadang dia suka bersendirian jadi kita ajak dia sekali bila kita jadikan dalam satu kumpulan kita bagikan dia bersosial lah. Maksudnya main bersama-sama dalam masa yang sama aktiviti tu memang aktiviti yang menyeronokkan dia orang. Memang dia orang minat dengan benda tu.

4.4 Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran sembang pagi

Berdasarkan kepada dapatan kajian guru menghadapi masalah dalam menjalankan pengajaran sembang pagi. Masalah yang dihadapi oleh guru dapat dikategorikan mengikut tema seperti kehadiran murid, sikap murid dan juga Pembantu Pengurusan Murid (PPM).

Kehadiran murid yang dimaksudkan di sini ialah lewat hadir ke sekolah. Apabila murid datang lewat guru menghadapi masalah dalam mengumpulkan murid pada waktu pengajaran sembang pagi. Ini adalah kerana ada murid yang datang terlalu awal dan ada juga murid yang datang lewat ke sekolah. Proses pengajaran dan pembelajaran terganggu apabila ada murid yang lewat masuk ke dalam kelas. Sikap murid juga menyebabkan berlakunya masalah semasa pengajaran sembang pagi. Antaranya ada murid yang tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran sembang pagi. Ada juga murid yang datang ke sekolah dan sarapan dulu. Masalah tingkah laku murid ini menjadi masalah kepada guru. Selain daripada itu ada juga murid yang datang ke sekolah dan terus bermain dengan alat permainan kegemaran mereka. Oleh itu guru menghadapi masalah dari segi mengulang semula memberi penerangan tentang aktiviti kepada murid yang lewat hadir ke kelas.

Mengikut responden,

Biasa masalah yang saya hadapi.. Muridnya macam biasalah..ada murid yang datang terlalu awal ada murid yang datang lambat. Jadi kita tak boleh nak kumpulkan sekali. Masa kita tengah tampal-tampal kad ada murid yang baru datang... Jadi kita tak boleh nak semuanya macam dia datang-datang terus dah lekatkan gambar. Dia tak dengar apa yang sebelum tu kita dah beri penerangan kan..apa benda nak buat. Itu memang salah satu kekangan..

Waktu tu jugak ada budak biasanya kadang-kadang datang nak makan dulu. Jadi waktu perbualan pagi tu dah terusik..macam nak sarapan dulu.

Budak ni dia datang-datang terus nak main pun ada. Jenis macam terus buka barang permainan selongkarkan pun ada. Dia tak de macam nak datang-datang duduk dengan cikgu.. Kecuali cikgu tarik tangan, cikgu buat garang sikit ke macam mana.. Cikgu tegas sikit dengan dia...baru dia boleh duduk lah..biasanya budak ni datang-datang tak ada nak belajar teruslah.

Selain daripada lewat hadir ke sekolah dan sikap murid, guru juga menghadapi masalah kerana PPM. PPM tidak dapat membantu guru dengan sepenuhnya semasa pengajaran sembang pagi. Ini adalah kerana PPM perlu menyambut kedatangan murid pada waktu pagi dan seterusnya perlu bersedia untuk menyediakan sarapan pagi. Ini menyebabkan PPM tidak dapat melibatkan diri dalam pengajaran sembang pagi.

Mengikut responden,

Perbualan pagi memang cikgu je tumpu kat murid. Sebab PPM masa tu dah ke dapur nak siapkan untuk masak. Kalau ppm boleh bersama dengan cikgu pun selepas masak, lebih kurang pukul 9.Jadi sepanjang waktu pagi itu memang PPM dapat jengok-jengok, tengok-tengok sekejap..celah-celah macam tu jelah. Tak dapat sepenuhnyalah ..

5. Rumusan dan Cadangan Kajian Lanjutan

Secara keseluruhannya didapati bahawa rutin harian pengajaran sembang pagi dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan kemahiran sosial melalui aktiviti yang dijalankan. Pelbagai faktor perlu diambil kira dalam menjalankan pengajaran sembang pagi. Antaranya sikap murid, kawalan kelas serta aktiviti yang dijalankan mengikut kesesuaian murid. Aktiviti yang dijalankan perlu menarik minat murid. Pengajaran sembang pagi yang melibatkan aktiviti berkumpulan sesuai bagi murid berkeperluan khas dalam meningkatkan kemahiran bersosial. Bagi memastikan pengajaran sembang pagi, guru memerlukan bantuan daripada PPM untuk mengawal murid. Ibu bapa juga perlu mengambil perhatian agar anak mereka dapat diantar ke sekolah tepat pada masanya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.

Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan sebuah kelas Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Oleh itu kajian lanjutan boleh diperluaskan ke Prasekolah yang lain dan bukan hanya melibatkan kemahiran sosial sahaja. Malah boleh mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang lain yang membantu perkembangan kanak-kanak melalui pengajaran sembang pagi.

Rujukan

- Abed, M. (2014). Self-esteem: Enhancing Good Practices and Overcoming Barriers. *Life Science Journal* 11(10): 126–136.
- Barton, E. E., Reichow, B., Wolery, M. & Chen, C.I. (2011). We Can All Participate! Adapting Circle Time for Children With Autism. *Young Exceptional Children* 14(2): 2–21.
- Beneke, S. J. & Ostrosky, M. M. (2008). Calendar Time for Young Children Good Intentions Gone Awry. *Young Children* (May): 12–16.
- Bruce, S., Gulick, J., Jones, J., Pike, E. & Fasy, C. (2006). *Making Morning Circle Meaningful* 2(4).
- Cefai, C., Ferrario, E., Cavioni, V., & Carter, A. (2013). Pastoral Care in Education : An International Journal of Personal , Circle time for social and emotional learning in primary school. *Pastoral Care in Education* (December): 1–17.
- Chua Yan Piaw. (2011.) Kaedah dan Statistik Penyelidikan: *Kaedah Penyelidikan*. Ed. ke-2. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Collaborative for Academic, S. A. E. L. (CASEL). (2014). *MISSING PIECE THE: A National Teacher Survey on How Social and Emotional Learning Can Empower Children and Transform Schools.*
- Collins, M. S. B. (2011). Empowering Children Through Circle Time: An Illumination of Practice Education Doctorate, National Univerisity of Ireland Maynooth.
- Danko, C. D. (2004). Improving The Engagement Levels of Preschool Children With Autism Through The Use of A Visual Supports Package During Circle Time. Doctor of Philosophy. University of North Carolina.
- Dokumen Standard Kurikulum Program Pendidikan Khas Prasekolah. (2009). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Elias, M.J. (2004). The Connection Between Social-Emotional Learning And Learning Disabilities: Implications For Intervention. *Learning Disability Quarterly* 27(winter): 52–63.
- Hasnah Toran, Salmiah Bujang & Fadliana Chiri. (2013). *Siri Pendidikan Autisme: Pengajaran Berstruktur*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kok, A. (2014). Perceptions of Educators Regarding Direct Social Skills Instruction for Students with Disabilities. Doctor of Education, Prescott Valley, Arizona.
- Mosley, J. (2008). *Appendix 2 Preparing for Circle Time The Five Learning Skills*.
- Richard G, M. (2004). *Special Education In Contemporary Society*. Ed. ke- 2. USA: Vicki Knight Publisher.
- Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin, N. A. (2013). Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan Di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1(4): 12–20.
- Shahabuddin Hashim, Noor Miza Abdul Rahman. (2014). *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak*. Batu Caves: Penerbit PTS Media Group Sdn Bhd.
- Suppiah Nachiappan. (2015). *Panduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Teori, Model, Kaedah dan Aktiviti ke Arah Perkembangan Kognisi*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- The Development and Intercultural Education Project. (DICE 2013) *Students Teachers Experiences Of Circle Time: Implications For Practice*. Dublin City University.
- Zaghlawan, H. Y., & Ostrosky, M. M. (2011). Circle Time : An Exploratory Study of Activities and Challenging Behavior in Head Start Classrooms. *Early Childhood Education Journal* (38):439–448.